

## SIARAN BERITA

---

### MyCC ISUKAN KEPUTUSAN CADANGAN TERHADAP LIMA PERUSAHAAN BAGI PENETAPAN HARGA

KUALA LUMPUR, 21<sup>hb</sup> Jun 2015 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (“MyCC”) pada 19 Jun 2015 mengeluarkan satu **Keputusan Cadangan** terhadap empat Operator Depot Kontena, iaitu Ayza Industries Sdn. Bhd./Ayza Logistics Sdn. Bhd.; ICS Depot Services Sdn. Bhd.; E.A.E. Depot & Freight Forwarding Sdn. Bhd.; dan Prompt Dynamics Sdn. Bhd. (“Empat Operator Depot Kontena berkenaan”) dan satu penyedia perkhidmatan Teknologi Maklumat kepada perkапalan dan industri logistik di kawasan Pulau Pinang, iaitu Containerchain (M) Sdn. Bhd. (“Containerchain”) kerana telah terlibat dalam penetapan harga.

Setelah memuktamadkan siasatan, MyCC dalam keputusan cadangannya, mendapati bahawa Containerchain telah melibatkan diri dalam amalan-amalan bersepada (*concerted practices*) dengan Empat Operator Depot Kontena berkenaan yang mengakibatkan Empat Operator Depot Kontena berkenaan meningkatkan Caj Pagar Depot yang dikenakan ke atas pelanggan mereka dari RM5 kepada RM25 dan menyebabkan Empat Operator Depot Kontena berkenaan menawarkan rebat sebanyak RM5 ke atas amaun Caj Pagar Depot yang dipersetujui sebelum ini kepada syarikat pengangkutan.

Pada masa yang sama, MyCC mendapati bahawa Empat Operator Depot Kontena berkenaan telah terlibat dalam perjanjian penetapan harga yang mana mempunyai objek atau kesan secara signifikan bagi menghalang, menyekat atau menganggu persaingan dalam mana-mana pasaran penyelenggaraan stor kontena kosong dan

perkhidmatan pengendalian dalam lingkungan 5 hingga 15 kilometer dari Pelabuhan Pulau Pinang.

MyCC bercadang untuk mengenakan penalti kewangan dan remedi lain ke atas kelima-lima perusahaan di atas. MyCC dibenarkan di bawah undang-undang untuk mengenakan penalti kewangan sehingga 10% daripada perolehan seluruh dunia tiap-tiap perusahaan.

Keputusan Cadangan merupakan suatu notis bertulis yang mengandungi fakta-fakta yang menjadi asas kepada MyCC dalam membuat penilaiannya serta alasan-alasan Keputusan Cadangannya. Ia dikeluarkan kepada perusahaan yang terlibat untuk membantu mereka membuat representasi dan menyediakan apa-apa maklumat lain untuk menyokong representasi mereka kepada MyCC. Dalam hal ini, perusahaan-perusahaan berkenaan mempunyai tiga puluh hari dari tarikh penerimaan Keputusan Cadangan untuk membuat representasi mereka. MyCC kemudian akan membuat keputusan muktamadnya selepas ia mempertimbangkan representasi-representasi tersebut termasuk semua maklumat dan bukti yang ada.

Akta Persaingan 2010 melarang perniagaan daripada terlibat dalam mana-mana perjanjian yang mempunyai objek atau kesan secara signifikan bagi menghalang, menyekat atau menganggu persaingan dalam mana-mana pasaran untuk pembelian barang dan perkhidmatan di Malaysia. Perniagaan sepatutnya secara bebas menentukan reaksi mereka terhadap persaingan dan mengelak daripada terlibat dalam sebarang perbincangan, penyelaras, atau perancangan dengan pesaing-pesaing mereka yang mana ianya merupakan perlakuan antipersaingan.

Akta Persaingan 2010 dikuatkuasakan pada 1 Januari 2012 dan oleh itu, perniagaan

sepatutnya telah mematuhi peruntukan dibawah Akta Persaingan 2010.

---tamat---

### **NOTA PENGARANG:**

Butiran mengenai Akta Persaingan 2010, Sekysen 4 :

4. (1) Suatu perjanjian mendatar atau menegak antara perusahaan adalah dilarang setakat yang perjanjian itu mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barang atau perkhidmatan.
  - (2) Tanpa menjelaskan keluasan subseksyen (1), suatu perjanjian mendatar antara perusahaan yang mempunyai matlamat untuk—
    - (a) menetapkan, secara langsung atau tidak langsung, suatu harga belian atau jualan atau apa-apa syarat perdagangan yang lain;
    - (b) berkongsi pasaran atau punca bekalan;
    - (c) membataskan atau mengawal—
      - (i) pengeluaran;
      - (ii) saluran keluar pasaran atau capaian pasaran;
      - (iii) pembangunan teknikal atau teknologi; atau
      - (iv) pelaburan; atau
    - (d) melakukan tipuan bida, adalah disifatkan mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barang atau perkhidmatan.

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Noor Hasnizan, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: [izan@mycc.gov.my](mailto:izan@mycc.gov.my)

Anis Syafiqah, Tel +603 2273 2277 (ext 212), Email: [anis@mycc.gov.my](mailto:anis@mycc.gov.my)

**Bahagian Hal Ehwal Korporat**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan

persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjelaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).